

30/09/1999

Wawasan pertanian wajar dihargai

Mat Basri

APABILA Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan beliau mempunyai wawasan baru menjadikan Malaysia negara pertanian yang mampu menampung keperluan makanan negara tanpa terlalu banyak bergantung kepada import, ia sebenarnya satu pendekatan paling tepat.

Kenyataan ini seharusnya disambut dengan penuh kesyukuran dan reaksi yang positif serta menggalakkan. Pada ketika yang sama kita juga terbaca unjuran bahawa menjelang Oktober 1999 ini bilangan penduduk dunia akan mencecah angka 6 bilion.

Jika direnung kembali seabad yang lalu iaitu sebelum 1900, pada ketika jumlah penduduk dunia tidak sampai 1.5 bilion, kepadatan menjelang bulan depan sebenarnya adalah satu lipatan ganda yang seharusnya menakutkan.

Keadaan yang sama memang berlaku di negara kita. Sewajarnya kita mengarahkan pandangan terhadap keperluan makanan di samping mengorak langkah di bidang lain seperti perindustrian, elektronik, teknologi dan multimedia.

Kita memang sedar bahawa usaha memajukan pertanian dan meningkatkan penghasilannya banyak diusahakan oleh kerajaan sejak merdeka.

Projek pertanian Muda di Kedah umpamanya adalah satu usaha yang membawa kejayaan meluas kepada pesawah serta meningkatkan hasil beras negara.

Begitu juga lain-lain input teknologi, bimbingan dan bantuan yang berjaya memesat dan mempelbagaikan hasil pertanian di samping meningkatkan sumber hidup petani.

Kepesatan kegiatan penternakan ikan, udang dan sebagainya juga membawa kesan positif dari segi perusahaan ini, pendapatan penduduk dan keperluan pasaran.

Namun demikian ianya masih mempunyai ruang amat luas untuk diterokai dan diperkembangkan, ruang yang boleh memperkukuhkan kemampuan negara, mengurangkan pergantungan dan meningkatkan taraf dan cara hidup para petani yang kebanyakannya terdiri dari kaum Bumiputera.

Sesungguhnya visi dan wawasan Perdana Menteri kita kali ini menyentuh langsung untung nasib kaum majoriti negara kita. Ia seharusnya dialukan hebat oleh Pak Tani, nelayan, pengusaha dan penternak yang sesungguhnya bergantung hidup kepada kejayaan dan kemakmuran negara.

Hasil sumber tempatan yang bertambah sudah pasti akan membantu pencapaian di pelbagai bidang lain melalui penjimatan kos serta penyaluran dana.

Tidak keterlaluan pula jika kita sama-sama membendung wawasan melihat tiada lagi tanah terbiar, bumi menghiju dengan pelbagai sumber pertanian yang diusaha secara moden dan terkini, pelbagai hasil mahsul yang menemui keperluan, teluk sungai padat dengan perusahaan ternakan ikan, udang dan sebagainya dan pertumbuhan industri sampingan yang pesat dengan peluang pembabitan dan pekerjaan yang meluas.

Sebagai negara tropika yang subur dan dikelilingi laut, sumber yang boleh dihasilkan sepanjang tahun perlulah dieksploitasi habis-habisan.

Perimbangan yang berasas penilaian mendalam dan bijak harus berlaku semoga pulangan terbaik dapat dihasilkan secara maksimum dan optimum.

Mereka yang sanggup bekerja kuat dan berusaha habis-habisan hendaklah didatangkan dengan peluang dan sumber pelaksanaan yang mencukupi di samping pengurusan pemasaran yang sempurna dan cekap.

Sememangnya negara kita adalah pada asasnya negara pertanian. Hasil mahsulnya memang boleh dilipat gandakan seiring malah dibantu melalui

pencapaian di lain-lain bidang termasuk perkembangan di jurusan teknologi dan multimedia.

Manakala hasil bumi seperti bijih dan minyak merupakan sumber yang sering berkurangan, sumber pertanian akan terus menjadi sumber yang kian bertambah selagi kita sanggup berusaha, meneroka dan mempelbagaikannya.

Malaysia yang cemerlang di segala bidang ini termasuk di bidang pertanian dan perikanan dengan membawa kemakmuran kepada seluruh rakyat jelatanya sudah pasti akan muncul berjaya dan unggul, mungkin tidak ada tolok bandingnya di dunia ini.

Amat wajar kita meletak penghargaan tinggi terhadap wawasan ini sebagai lanjutan kepada usaha berterusan meningkatkan kemakmuran negara serta taraf hidup penduduknya termasuk Pak Tani dan nelayan. Marilah kita memberi sokongan penuh kepada hasrat dan cita-cita yang amat bermakna ini.